

13 MAR 2001

Sukan-Mahathir (Skuasy)

PERDANA MENTERI MAHU ATLLIT NEGARA SERIUS JALANI LATIHAN

PUTRAJAYA, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa semua atlit negara menjalani latihan serius dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada bidang sukan.

"Saya harap para atlit akan lebih serius menjalani latihan supaya boleh membawa balik lebih banyak pingat emas, perak dan gangsa, yang boleh memberikan nama Malaysia lebih baik dalam sukan.

"Luangkan lebih banyak masa untuk berlatih, berlatih dan berlatih sehingga berjaya ke peringkat dunia," katanya pada majlis penyerahan sumbangan Rakan Sukan Skuasy daripada 10 syarikat swasta kepada Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, seperti yang sering diperkatakan, kegagalan Malaysia mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa mungkin disebabkan saiz atlit negara ini yang kecil.

Katanya, atlit negara jarang mendapat banyak pingat bila bertanding di peringkat lebih tinggi seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel dan Sukan SEA.

"Nasib baik ada beberapa jenis sukan yang kita boleh menjadi juara peringkat dunia. Saya percaya skuasy boleh mencapai kejayaan itu," katanya yang turut berharap pemain skuasy negara memberikan perhatian lebih serius kepada latihan.

Beliau berkata, kejayaan dalam sukan memerlukan ketahanan dan persediaan untuk mengadakan latihan berterusan yang kadang-kadang memerlukan perbelanjaan besar.

Perdana Menteri berharap sektor korporat dapat terus memberi bantuan dan sokongan kepada jenis sukan yang berpotensi untuk Malaysia mencapai kemenangan.

"Sudah tentu bantuan kerajaan sahaja tidak mencukupi. Adalah penting korporat memberi bantuan kepada sukan yang kita ada potensi menjadi juara," katanya.

Sementara itu Presiden SRAM Datuk Nik Mohamed Din berkata, SRAM menetapkan sasaran untuk melahirkan pemain skuasy nombor satu dunia pada 2006.

Ketika ini pencapaian terbaik pemain negara ialah pada ranking ke-13 dunia menerusi pemain utama lelaki negara, Ong Beng Hee yang pernah menjuarai Kejohanan Skuasy Remaja Dunia pada 1998 manakala Nicol David pula muncul juara wanita kejohanan yang sama pada 1999.

Pemain skuasy negara ketika ini turut mendominasi peringkat Asia apabila memenangi hampir keseluruhan kejohanan peringkat remaja dan senior.

Nik Mohamed berkata, SRAM memerlukan perbelanjaan melebihi RM1 juta setahun bagi program sukan itu termasuk usaha mencungkil bakat baru.

Terdahulu Dr Mahathir menerima sejumlah RM500,000 daripada 10 syarikat swasta bagi membantu menampung perbelanjaan SRAM.

Turut hadir pada majlis itu ialah empat pemain skuasy negara Kenneth Low, Mohd Azlan Iskandar, Tricia Chuah dan Aaron Soyza.

-- BERNAMA

RZS MOT DC ZB